



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BLOK BANGUNAN BAHARU HOSPITAL TAWAU MERCU TANDA SISTEM KESIHATAN LEBIH MAMPAN, MODEN DAN INKLUSIF DI PANTAI TIMUR SABAH

Tawau, 10 NOVEMBER 2025 - Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, hari ini merasmikan Blok Bangunan Baharu Hospital Tawau, yang menjadi **mercu tanda baharu dalam sistem kesihatan di Pantai Timur Sabah**. Fasilitas dengan **kemudahan moden** ini melambangkan komitmen Kerajaan MADANI dalam **memastikan rakyat Sabah** menikmati perkhidmatan kesihatan yang **serba moden, selamat dan berkualiti**.

Pembinaan Blok Bangunan Baharu Hospital Tawau ini **diluluskan** di bawah **Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP1, RMK-11)** pada tahun 2016 dengan **kos keseluruhan berjumlah RM223.6 juta** dengan keluasan tapak **1.9 ekar**. Pembinaan ini bertujuan **meningkatkan kualiti rawatan harian** di Hospital Tawau melalui peluasan dan penambahan perkhidmatan baharu yang lebih komprehensif.

Pelaksanaan naik taraf ini memberikan **impak segera** dengan **pertambahan 154 katil baharu** menjadikan **jumlah keseluruhan 585 katil** untuk dimanfaatkan masyarakat Pantai Timur Sabah sekaligus **mengukuhkan kapasiti hospital** dalam menangani keperluan pesakit yang meningkat saban waktu.

Blok baharu ini merangkumi:

- a) penyediaan enam (6) bilik dewan bedah;
- b) Klinik Pakar;
- c) Jabatan Kecemasan & Trauma;
- d) Farmasi Pesakit Luar;
- e) Pejabat Pentadbiran Am;
- f) Lima (5) wad tambahan;
- g) TPN (*Total Parenteral Nutrition*) & CTR (*Cytotoxic Drug Reconstitution*); dan
- h) ruang gunasama seperti auditorium, bilik seminar dan perpustakaan.

Kemudahan lain yang turut ditambah adalah **aset perubatan kritikal** termasuk **mesin MRI, Mammogram** dan **pelbagai peralatan diagnostik** lain bagi **memperkukuh kecekapan** dan **kelancaran** perkhidmatan kesihatan secara inklusif.

Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia, barisan pengurusan tertinggi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, wakil rakyat, pemimpin tempatan, pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) , warga Hospital Tawau serta komuniti setempat.

Bangunan baharu ini telah memulakan **operasi secara berperingkat sejak 9 September 2024**. Perasmian ini menjadi titik permulaan ke arah masa depan sistem kesihatan Sabah yang lebih mampan, moden dan inklusif sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan dan Ihsan*.

-TAMAT-

Kementerian Kesihatan Malaysia

